

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan angka pecahan hasil cukai dan tarif yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dari negeri masing-masing untuk tahun 2010 hingga 2016, termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan, cukai syarikat, cukai pendapatan, cukai import, tarif dan segala-galanya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, hasil kutipan cukai Kerajaan Persekutuan yang dikutip di semua negeri bagi tempoh 2011 hingga 2015 adalah berjumlah RM811.3 bilion. Daripada jumlah

tersebut, RM618.4 bilion adalah kutipan cukai langsung manakala kutipan cukai tidak langsung adalah sebanyak RM192.9 bilion.